

JENDELA perkasakan perniagaan, pendidikan

Asas peralihan infrastruktur digital adaptasi norma baharu

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kelancaran dan kesalinghubungan digital inklusif adalah asas penting dalam Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) dalam usaha memacu ekonomi digital negara.

ia kemudian memberi impak kepada pelbagai pihak, termasuk industri tradisional.

JENDELA bertindak sebagai asas kepada peralihan infrastruktur digital berikutan keperluan menangani norma baharu susulan pandemik COVID-19.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) berkata, ia bermatlamat menyediakan liputan perkhidmatan jalur lebar menyeluruh dan berkualiti tinggi pada kadar berpatutan kepada rakyat.

“Ia bagi mengadaptasi penggunaan teknologi, selain meningkatkan kecekapan operasi mereka (industri tradisional). Aktiviti ekonomi digital seperti e-dagang dan teknologi kewangan akan bertambah pesat.



SKMM bermatlamat sedia liputan perkhidmatan jalur lebar menyeluruh dan berkualiti tinggi pada kadar berpatutan kepada rakyat. (Foto hiasan)

“Perniagaan kini boleh menghubungi lebih ramai pelanggan di kawasan yang belum pernah diterajui sebelum ini.

“Usahawan kecil pula boleh memperluas perniagaan kerana berupaya memulakan aktiviti pemasaran digital, selain menjalankan transaksi secara digital,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Bagi generasi masa depan, katanya, kerajaan komited metakkan aspek pendidikan sebagai pelaburan paling penting bagi memastikan kualiti hidup lebih baik dan merapatkan jurang digital.

Sebanyak RM500 juta diperuntukkan bagi memastikan kesalinghubungan 430 sekolah di seluruh negara dalam Belanja-

wan 2021 dengan proses fibrasi di sekolah turut diberi perhatian untuk memastikan proses ke arah digitalisasi tersedia kepada pelajar.

Peruntukan RM7.4 bilion diberi bagi memperluas perkhidmatan jalur lebar, terutama di luar bandar, selain pihak industri akan membuat pelaburan setanding atau lebih untuk kawasan bandar dan pinggir bandar antara 2021 hingga 2022.

“Program Jaringan PRIHATIN bernilai RM1.5 bilion akan dimanfaatkan kira-kira 8 juta rakyat golongan B40 dengan ia boleh digunakan bagi mendapatkan perkhidmatan dan memperluas jaringan internet.

“Mereka akan menerima RM180 (RM15 sebulan) seorang

dan boleh diguna untuk perbelanjaan langganan internet atau menampung kos membeli telefon bimbit baharu.

Kenyataan itu berkata, proses pemerksaan Pusat Internet Komuniti (PIK) akan dilaksanakan di seluruh negara bagi memastikan keperluan penduduk setempat dan pelajar mendapatkan perkhidmatan internet.

“Menerusi proses ini, masalah kekurangan alat peranti, kemudahan internet atau keselamatan pelajar untuk belajar secara dalam talian dapat ditangani.

“Penggunaan PIK juga akan dipertingkatkan melalui pertambahan kandungan atau kursus, bantuan dalam aspek pembungkusan dan pemasaran produk kepada golongan usahawan yang dilaksanakan tidak lama lagi,” katanya.

Mengenai langkah memperkukuh infrastruktur industri, katanya, peruntukan RM42 juta diberi bagi penyediaan rangkaian gentian optik di 25 kawasan perindustrian untuk lebih maju dalam digitalisasi perniagaan.

Penubuhan Majlis Ekonomi Digital dan revolusi Perindustrian Keempat diumumkan Perdana Menteri juga menunjukkan kerajaan serius memastikan pembangunan ekonomi digital bersifat inklusif dan memanfaatkan sepenuhnya teknologi Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).